



Dapatkan berita terkini Hari Kebangsaan 2026 di sini

Singapura

Penerima biasiswa ingin perluas wacana budaya, warisan dalam masyarakat

Kedua-dua pelajar seni berminat rapatkan jurang maklumat mengenai budaya dan warisan antara ahli akademik dengan penggiat seni

Summarise

Translate

Share

Add as a preferred source on Google

Dengar Artikel ini
7 min

Generated by AI



Penerima biasiswa Seni Majlis Seni Kebangsaan, Encik Mohamed Firdaus Mohamed Sani, dan Cik Nurul Atiqah Zaidi, merupakan antara 54 individu dianugerahkan biasiswa seni dalam satu majlis di Galeri Nasional Singapura baru-baru ini. - Foto BH oleh ADAM MIFZAL FAIZAL

Ikuti topik ini:

nac scholar +


Aug 11, 2026 | 5:30 AM



Di tangga besar Galeri Nasional Singapura (NGS) baru-baru ini, dua pelajar seni duduk sambil rancak berbual.

Mereka berbincang tentang satu jurang yang berlegar di minda mereka iaitu bagaimana maklumat atau gagasan mengenai budaya dan warisan sesebuah masyarakat kerap terperangkap dalam lingkungan akademik.

Menurut mereka, keadaan itu menyebabkan masyarakat tersebut sukar memimpin secara berdikari perbincangan mengenai identiti dan bagaimana ia diketengahkan.



Sebagai seniman dan bakal penggiat dalam dunia akademik, kedu-duanya berharap dapat merapatkan jurang itu.

Pelajar seni, Encik Mohamed Firdaus Mohamed Sani, dan Cik Nurul Atiqah Zaidi, merupakan antara 54 individu yang dianugerahkan biasiswa seni dalam satu majlis di NGS pada 27 Julai lalu, untuk melanjutkan

Sekilas Berita

pengajian di peringkat diploma, sarjana muda dan possiswazah.

Encik Firdaus menerima Biasiswa Seni Majlis Seni Kebangsaan (NAC) bagi pengajian Sarjana Seni dalam Pengajian Muzium dan Amalan Kuratorial di Universiti Teknologi Nanyang (NTU).



Manakala Cik Atiqah akan menyambung pengajiannya ke peringkat Sarjana Seni Halus di Akademi Seni Halus Nanyang (Nafa) di bawah naungan institusi Universiti Seni Singapura (UAS), menerusi Biasiswa NAC-UAS.

Pengasas gerakan warisan Orang Laut SG dan The Black Sampan, Encik Firdaus, 37 tahun, berkata:

Pilihan untuk anda

Lihat berita utama daripada semua kategori di satu tempat.



"Jurang yang wujud antara ahli akademik dengan penggiat seni berpunca daripada kecenderungan ahli akademik untuk 'bercakap' sesama mereka.

"Banyak maklumat akhirnya kekal dalam dunia akademik sahaja. Tanpa seniman dan penggiat seni dan budaya, catatan akademik itu hanya akan tersimpan di arkib dan akhirnya dianggap tidak berguna."

Seniman antara disiplin, Cik Atiqah, 22 tahun, pula berkata: "Dalam amalan seni saya, kekurangan maklumat ini turut mendorong saya berfikir dengan lebih mendalam tentang kepentingan bagaimana diperkenalkan.

"Saya rasa keadaan ini memberi kami peluang untuk memastikan karya dan kehadiran kami terus diingati."

Menurut Encik Firdaus, isu perwakilan yang banyak ditentukan oleh mereka yang menulis tentang masyarakat Orang Asli dan warga peribumi, menjadi faktor yang menggugat keupayaan masyarakat tersebut untuk menentukan sendiri bagaimana mereka mahu diwakili serta membentuk identiti mereka dek wujudnya "hierarki yang tidak kelihatan" dalam dunia akademik.

Dalam mencerahkan hal ini, beliau memetik contoh tentang bagaimana Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Hak Orang Asal (UNDRIP) boleh digunakan sebagai panduan yang mengiktiraf hak masyarakat peribumi untuk menentukan cara mereka melihat diri sendiri, termasuk hak menentukan bagaimana mereka diketengahkan.

UNDRIP satu deklarasi hak asasi manusia yang menggariskan hak masyarakat peribumi di seluruh dunia.

Deklarasi itu mengandungi 46 artikel yang memperincikan pelbagai hak bersama dan individu, dengan matlamat melindungi kemandirian hidup, maruah dan kesejahteraan masyarakat peribumi.

Sebagai keturunan Orang Laut generasi keempat, Encik Firdaus berkata keupayaan untuk menentukan cara identiti sendiri dipaparkan juga merupakan sebahagian daripada usaha meneruskan legasi budaya Melayu.

"Walaupun penting untuk kita melihat kembali sejarah, kita juga perlu mengaitkannya dengan makna menjadi seorang Melayu pada masa kini, dan apakah ertinya identiti kemelayuan itu kepada generasi akan datang," katanya, yang memulakan pengajiannya pada Ogos.

Semangat itu turut dizahirkan menerusi seni pemasangannya sempena acara, festival 'Light to Night Singapore 2026', di Padang mencerminkan sejarah dan kehidupan Orang Laut yang semakin terhakis akibat proses perbandaran, penambakan tanah, serta kehilangan akses kepada kawasan pesisir pantai.



Encik Mohamed Firdaus Mohamed Sani, keturunan Orang Laut generasi keempat mempamerkan seni pemasangan tiga bahagian dalam festival, 'Light to Night Singapore 2026'. Seni pemasangan beliau mencerminkan sejarah dan warisan Orang Laut di Singapura yang hampir pupus ditelan zaman. - Foto fail

Bagi Cik Atiqah pula, amalan seninya melingkari persembahan sebagai kaedah penyelidikan dan pemikiran feminis.

Karyanya meneroka tubuh wanita Melayu-Jawa menerusi arkib digital, pergerakan dan bunyi, dan pernah dipersembahkan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Projek akhir tahun di peringkat diploma, 'Wanita' (2025), mengangkat dan mentafsir semula naratif wanita yang sering digambarkan sebagai watak pasif dalam filem 'Orang Minyak', terutamanya karya Allahyarham Tan Sri P. Ramlee dan L. Krishnan.

Menerusi projek akhir tahun di peringkat ijazah sarjana muda bertajuk 'Gigit' (2026) pula, beliau mengambil pendekatan lebih bersifat introspektif dengan menghasilkan projek persembahan dan arkib.

Dengan penggunaan tanah liat, projek itu turut menjadikan perbuatan menggigit sebagai bahasa untuk meluahkan emosi serta menuntut semula hak menentukan naratif sendiri.

Projek itu juga mengupas perbincangan tentang cara tubuh wanita Melayu didokumentasikan dalam media dan sejarah.



Menerusi persembahan, projek arkib dan penggunaan tanah liat, projek akhir tahun, Cik Nurul Atiqah Zaidi, bertajuk 'Gigit' (2025), mengupas perbincangan tentang tubuh wanita Melayu dengan menjadikan perbuatan menggigit sebagai bahasa untuk meluahkan emosi serta menuntut semula hak menentukan naratif sendiri. - Foto NURUL ATIQA Zaidi

"Karya saya sentiasa berpusat pada perbincangan tentang tubuh wanita Melayu.

"Menerusi pengajian ini, saya mahu terus mempertahankan gambaran itu dan meletakkan warisan keturunan saya di barisan hadapan amalan seni saya," katanya, yang memulakan pengajiannya pada Ogos.

Bagi Encik Firdaus pula, biasiswa yang diterimanya juga satu batu loncatan untuk meneruskan usahanya dalam memperjuangkan sejarah dan budaya warisan Orang Laut.

Ini dapat dilakukan melalui pembinaan sebuah pusat pembelajaran budaya pesisir sebagai sebahagian projek Pesisiran Selatan Besar (GSW) bagi mengukuhkan naratif Orang Laut sebagai antara tunjang penting dalam pembangunan kawasan tersebut.

“Saya rasa idea mengenai masyarakat peribumi di Singapura masih lagi di peringkat awal.

“Apakah sebenarnya makna menjadi warga peribumi? “Adakah kita perlu mempunyai gambaran? Dan jika ya, apakah bentuk gambaran yang kita mahukan? Saya fikir inilah antara persoalan yang ingin kami bincangkan menerusi pusat pembelajaran itu.

“Sebab saya rasa, buat masa kini, kita belum lagi membincangkan hal seperti ini,” tambahna.

Adakah anda menikmati artikel ini? Beritahu kami.

3

0

0

0

0

Laporan berkaitan

Undang-undang Laut Melaka ‘nakhoda’ pelayaran Melayu silam

Jul 12, 2026 | 5:30 AM

Bahasa Melayu (Program Khas) diperluas mulai 2027

Aug 1, 2026 | 5:08 PM

nac scholar NAC

Kongsi di WhatsApp

Dapatkan artikel ini untuk diterbitkan semula

Ringkas

BANJIR NEPAL-TIBET: LEBIH 160 MAUT, PELANCONG DILAPOR HILANG TERMASUK WARGA S'PORA

0:42

Aug 27, 2026

RANTAU MELAYU MUNE TAPI BELIA MASIH SUNYI?

2:51

Aug 26, 2026

PERKUH KEPIMPINAN, PERKASA BELIA MELAYU/ISLAM DEMI MASA DEPAN S'PORA

2:31

Aug 24, 2026

LEBIH SOKONGAN UNTUK IBU BAPA BESARKAN ANAK

2:43

Aug 24, 2026

PM WONG GESA MASYARAKAT BERI SOKONGAN PADA ZAQY, KEPIMPINAN MELAYU/ISLAM

1:49

Aug 23, 2026

PERUSAHAAN PIMPINAN ASATIZAH BOLEH MANFAAT BANTUAN MELALUI KERJASAMA PERGAS & ASME

2:41

Aug 23, 2026

Rekomendasi

HSBC
[HSBC Personal Loans]

interactive brokers
AI Trading Assistant

Kongsi Kisah Peribadi Anda Tentang Pembangunan Negara Singapura
Zaqy: M³+ pencetus perubahan, buka lebih peluang untuk masyarakat Melayu/Islam

Berita
Harian



Berita
Minggu



Hubungi Kami
Kenali Kami

Meja Berita

Sekilas Berita

Help us improve

Syarat dan Peraturan
Notis Perlindungan Data Peribadi
Notis Kuki
BH Services

Langgan
Iklan Bersama Kami

Khidmat pelanggan

6388-3838

Anda ada maklumat mengenai sesuatu berita menarik?
E-mel: bhnews@sph.com.sg

Judul berita terbitan SPH Media

The Straits Times
The Business Times
Lianhe Zaobao
Berita Harian
Tamil Murasu
Stomp

MDDI (P) 015/06/2025, MDDI (P) 014/06/2025 SPH Digital News Copyright ©
2026 . SPH Media Limited. Co. Regn. No. 202120748H